

Penulisan Tafsir Nusantara: Cabaran Dan Penyelesaiannya *Nusantara Tafsir Writing: Challenges and Solutions*

Muhammad Tajudin Ismail¹
Nor Syamimi Mohd²

ABSTRAK

Jumlah karya tafsir Nusantara yang didapati pada hari ini merupakan bukti usaha keras para mufassir Nusantara dalam memberikan kefahaman tentang al-Quran kepada masyarakat. Perkembangan penulisan tafsir Nusantara merupakan satu perkara yang penting untuk dikaji dan kajian ini mempunyai cabarannya yang tersendiri serta memerlukan pendekatan tertentu dalam menyelesaikan. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dengan mengkaji literatur yang membincangkan isu-isu umum berkenaan cabaran dalam kajian tafsir Nusantara. Antara cabaran yang dapat dikenalpasti ialah kekurangan usaha mengkaji intertekstualiti yang wujud dalam kitab-kitab tafsir Nusantara yang boleh diselesaikan dengan menambahkan insentif pengkaji. Akses yang terhad kepada sumber-sumber tafsir Nusantara dan kekurangan usaha takhrij kitab-kitab ini juga merupakan satu cabaran yang besar terhadap pengkaji tafsir Nusantara. Peranan autoriti dan institusi penting dalam membuka ruang yang lebih besar bagi pengkaji mendapatkan akses terhadap sumber-sumber asal tafsir Nusantara dan insentif yang lebih bagi usaha takhrij yang memerlukan tenaga kerja yang pakar dan banyak. Cabaran lain seumpama kekangan bahasa dan gaya penulisan dapat diselesaikan dengan usaha vernakularisasi kitab-kitab ini kepada gaya bahasa dan dialek yang sesuai dengan masyarakat moden. Kekurangan teknologi pembelajaran yang relevan juga membantutkan usaha penyebaran penulisan tafsir nusantara dan hanya dapat diselesaikan dengan pendekatan holistik termasuklah pembangunan aplikasi yang dapat dimanfaatkan oleh orang awam. Kajian ini boleh ditambahbaik dengan penelitian yang lebih mendalam dan menjurus bagi setiap satu cabaran yang disenaraikan.

Kata Kunci: *Tafsir Nusantara, Intertekstualiti, Takhrij, Vernakularisasi*

ABSTRACT

The number of Nusantara tafsir works available today is evidence of the hard work of Nusantara exegetes in conveying an understanding of the Quran to the community. The development of Nusantara tafsir writing is an important area of study, though it comes with its own unique challenges and requires specific approaches to address them. This study employs a library research method, examining literature that discusses common issues related to challenges in the study of Nusantara tafsir. One identified challenge is the lack of efforts to examine the intertextuality present in Nusantara tafsir books, which can be addressed by increasing incentives for researchers. Limited access to Nusantara tafsir sources and a lack of efforts to perform takhrij (critical assessment and verification) of these books also pose significant challenges for Nusantara tafsir researchers. The role of authorities and institutions is essential in expanding access for researchers to the original Nusantara tafsir sources and in providing greater incentives for takhrij, which requires a large, skilled workforce. Other challenges, such as language barriers and writing style, can be overcome by vernacularizing these books to a language style and dialect suitable for modern society. The lack of relevant learning technology also hampers the efforts to disseminate Nusantara tafsir writings and can only be resolved through a holistic approach, including the development of applications that can be utilized by the general public. This study could be further improved with a more in-depth and targeted analysis of each of the listed challenges.

Keywords: *Tafsir Nusantara, Intertextuality, Takhrij, Vernacularization*

¹ Pelajar Sarjana. Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. tajudinismail1990@gmail.com

² Pensyarah Universiti. Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. norsyamimimohd@ukm.edu.my

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan sumber rujukan yang menjadi asas kehidupan orang Islam di seluruh dunia. Atas dasar ini, memahami al-Quran dengan kefahaman yang tepat dan benar adalah menjadi kewajipan bagi setiap orang Islam dalam rangka menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim yang sejati. Para *mufassirin* semenjak awal kedatangan Islam sehinggalah kini memahami kepentingan mentafsirkan al-Quran ini dan membuat usaha dengan giat dalam merealisasikan perkara ini. Nasrullah et al., mengatakan bahawa bukti usaha giat para *mufassir* ini dapat dilihat daripada jumlah besar karya-karya tafsir yang dikarang oleh mereka dan karya-karya ini tidaklah lahir melainkan dengan usaha yang tegar dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat.³ Ulama Nusantara juga tidak terlepas daripada menceburkan diri dalam kegiatan tafsir ini. Apabila Islam mula tersebar dalam kalangan masyarakat Nusantara pada awal abad ke-13, arus pembelajaran ilmu agama termasuklah pengajian al-Quran dan hadith mula mendapat tempat dalam kalangan mereka.⁴ Perkara ini turut ditekankan oleh Nasir di mana beliau mengatakan bahawa usaha memahami al-Quran telah menjadi keutamaan orang Melayu sejak Islam masuk pada kurun ke-13 di Asia Tenggara.⁵ Perkara ini telah menjadi dorongan bagi sarjana-sarjana Islam Nusantara untuk menulis kitab-kitab tafsir sebagai rujukan kepada orang awam. Menurut Haziyah dan Latifah, pengajaran tafsir bermula dengan menggunakan kitab arab oleh pendakwah-pendakwah daripada Arab, India dan Parsi, tetapi ulama-ulama Nusantara mula menulis kitab dalam bahasa Jawi dan kitab-kitab ini mula menjadi rujukan utama pengajian tafsir di Nusantara selepas itu.⁶ Proses penulisan tafsir oleh sarjana-sarjana Islam di Nusantara merupakan satu tahap yang kritikal dalam perkembangan ilmu tafsir di Nusantara. Dedikasi *mufassir* dalam menghasilkan karya yang sesuai dan dinamik bagi memenuhi keperluan masyarakat tempatan merupakan satu usaha yang wajar dikaji. Begitupun, usaha mengkaji fasa kritikal dalam perkembangan tafsir ini tidak lekang daripada cabaran dan rintangan. Pelbagai isu seumpama akses yang terhad terhadap manuskrip tafsir silam, kekangan bahasa, konsep intertekstualiti dalam tafsir Nusantara dan perkara-perkara lain telah memperlambatkan dan membantutkan usaha mengeluarkan khazanah daripada karya-karya tafsir silam ini.⁷

Penulisan berkenaan perkembangan tafsir Nusantara telah banyak ditulis oleh sarjana kontemporari baik sarjana Nusantara sendiri mahupun sarjana dari dunia Barat. Ervan Nurtawab pernah menulis sebuah artikel berjudul *Qur'anic Translations in Malay, Javanese and Sundanese: A commentary or substitution* yang diterbitkan dalam sebuah buku yang diterbitkan oleh Routledge Taylor & Francis Group di mana penulis membincangkan secara mendalam tentang konsep intertekstualiti dan pentafsiran serta penterjemahan dalam tafsir Nusantara. Peter G. Riddell menulis artikel berjudul *Variations on an Exegetical Theme: Tafsir Foundations in the Malay World* yang membincangkan pendekatan berbeza yang diambil oleh

³ Nasrullah, Nasrullah, Amaruddin Amaruddin, and Humaidi Humaidi. "ENRICHMENT OF METHODS AND APPROACHES IN THE INTERPRETATION OF THE QUR'AN." SYAHADAH: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Keislaman 11, no. 1 (2023): 31-46.

⁴ Pratama, Ferdy. "Perkembangan Kajian Hadis Di Indonesia Pada Abad 20-21 M D. Indah Syifana Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya e-mail: dindahsyifana@ gmail. com."

⁵ Nasir, Mohamad Nasrin. "The view of the other in modern Malay exegesis of the Quran." *Australian Journal of Islamic Studies* 6, no. 4 (2021): 68-87.

⁶ Hussin, Haziyah, and Latifah Abdul Majid. "Early development of Quranic exegesis in Malaysia." *International Journal of Asian Social Science* 3, no. 8 (2013): 1732-1744.

⁷ Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2008). Tafsir Tarjuman al-Mustafid: kajian intertekstualiti. Tesis Dr. Fal, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Ahmad, Nadzrah. "Quranic Exegetical Activities In The Malay Archipelago: A Historical Overview." *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 27, no. 1 (2022): 101-121; Haziyah Hussin, Latifah Abdul Majid, Nor Syamimi Mohd, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Sabri Mohamad. "Pemikiran tafsir Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam Manuskrip Quran Bergantung Makna Melayu." *Jurnal al-Turath* 1, no. 1 (2016): 24-34.

penulis tafsir silam seperti Hamzah al-Fansuri, Abdul Rauf al-Sinkili dan Muhammad bin Said bin Umar.⁸ Beliau juga membawa idea-idea berhubung konteks kemasyarakatan yang menjadi dorongan penulisan tafsir-tafsir tersebut dan implikasinya kepada penulis-penulis tafsir Nusantara yang terkemudian. Terdapat banyak penulisan-penulisan yang berselerak berkenaan sejarah perkembangan tafsir Nusantara dan cabarannya dalam kajian moden. Begitupun, penulisan-penulisan artikel atau buku ini tidak memberikan satu penjelasan yang tuntas dan juga tidak menjurus kepada tema perbincangan yang lebih khusus berkenaan cabaran dalam kajian terhadap penulisan tafsir Nusantara dan langkah penyelesaian yang mampan bagi menghadapi cabaran tersebut. Kelompongan ini memberikan peluang bagi kajian ini untuk mengeluarkan idea-idea umum berkenaan isu-isu atau cabaran-cabaran penulisan tafsir Nusantara dan langkah-langkah penyelesaian yang dilihat sesuai bagi menanggapi cabaran tersebut. Oleh itu, tujuan utama kajian ini ialah untuk menganalisis cabaran utama dalam kajian tafsir Nusantara dan penyelesaian bagi menanggapi cabaran-cabaran tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka tema-tema utama yang berkaitan dengan tajuk kajian, iaitu cabaran dalam kajian tafsir Nusantara serta langkah-langkah penyelesaiannya. Pendekatan kualitatif ini dilaksanakan melalui kaedah kajian kepustakaan (library research) dengan menggunakan pelbagai sumber seperti buku, artikel, dan jurnal yang berkaitan dengan perkembangan tafsir Nusantara, cabaran-cabaran, dan pendekatan penyelesaiannya.

Sumber-sumber kajian diperoleh daripada enjin carian seperti Google Scholar dan Academia.edu serta repositori Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, tesis pelajar turut digunakan sebagai bahan rujukan kerana ia mengandungi informasi khusus mengenai manuskrip tafsir Nusantara. Data yang dikumpul daripada sumber-sumber ini dikategorikan berdasarkan tema yang berkaitan dengan sejarah perkembangan tafsir Nusantara, kekangan dan cabaran dalam penulisan tafsir, serta pendekatan penyelesaiannya. Data yang tidak relevan dengan tema kajian dikecualikan bagi memastikan fokus kajian tetap terarah kepada persoalan yang ingin dijawab.

Kaedah analisis data yang digunakan adalah berbentuk analisis tematik. Data yang telah dikumpul disusun dan dianalisis mengikut tema yang telah dikenal pasti. Proses analisis ini melibatkan langkah-langkah berikut:

1. Pengelompokan Data: Data-data yang berkaitan disusun mengikut tema utama yang merangkumi sejarah perkembangan, cabaran, dan penyelesaian dalam kajian tafsir Nusantara.
2. Pengeluaran Tema: Data dianalisis untuk mengenal pasti tema-tema utama yang relevan dengan persoalan kajian.
3. Perbandingan dan Sintesis: Tema-tema yang diperoleh dibandingkan dan disintesis bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh mengenai isu yang dibincangkan.
4. Penyusunan Perbincangan: Perbincangan disusun mengikut persoalan kajian dengan mengelompokkan cabaran-cabaran dalam satu topik dan langkah penyelesaian bagi cabaran tersebut seiring dengan senarai s

Pendekatan ini memudahkan pembaca untuk memahami hubungan antara cabaran yang diketengahkan dengan pendekatan penyelesaian yang dicadangkan. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan dapatan kajian secara terperinci, dengan setiap tema diperincikan untuk menjawab persoalan kajian dengan sokongan data yang dikumpul.

⁸ Riddell, Peter G. "Variations on an exegetical theme: Tafsir foundations in the Malay world." *Studia Islamika* 21, no. 2 (2014): 259-292.

DAPATAN DAN HASIL KAJIAN

Secara dasarnya, pengajian kitab-kitab tafsir *turath* Nusantara masih lagi mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam di Nusantara terutamanya di Malaysia. Menurut Ahmad, kesedaran dalam kalangan pelajar pengajian Islam dan mereka yang tidak beraliran pengajian Islam untuk mempelajari kitab *turath* meningkat secara signifikan. Pengajian ini juga tidak terikat dengan pengajian dalam kampus, tetapi pengajian di masjid juga mula mendapat sambutan daripada pelbagai lapisan masyarakat.⁹ Realiti ini menunjukkan peranan kitab-kitab *turath* dalam membentuk pengajian Islam di Nusantara. Maka, usaha untuk memperkasa pengajian berasaskan kitab-kitab *turath* termasuklah kitab-kitab tafsir Nusantara harus dipergiat dan ini bermula dengan mengenalpasti cabaran-cabaran yang melibatkan penulisan tafsir Nusantara dan langkah-langkah yang mampan bagi menangani cabaran dan rintangan tersebut.

Lokalisasi Tafsir dan Kekurangan Kajian Intertekstualiti

Cabaran utama dalam kajian penulisan tafsir Nusantara ialah kekurangan analisis mendalam terhadap konsep intertekstualiti, yang menjadi kunci untuk menjelaskan bagaimana konteks lokal dapat disesuaikan dengan perspektif global. Intertekstualiti merujuk kepada pengaruh luar yang wujud dalam sesebuah karya atau penulisan, baik dalam bentuk ideologi, teks, ataupun konteks budaya.¹⁰ Kekurangan pendekatan ini sering kali menjadikan tafsir Nusantara kelihatan bersifat lokal dan kurang relevan untuk pelajar atau pengkaji luar yang mungkin tidak memahami elemen-elemen budaya, sejarah, dan intelektual yang mempengaruhi karya tersebut. Menurut Zulkifli dan Wan Nasyrudin, kajian intertekstualiti sangat penting kerana ia membantu menjelaskan hubungan antara pengarang dengan karya yang dihasilkan, selain mendedahkan bagaimana situasi semasa dan pengaruh luar mempengaruhi tafsiran yang dibuat terhadap ayat al-Quran.¹¹ Tanpa kajian seperti ini, banyak karya tafsir Nusantara akan terus dianggap sebagai "tradisional" atau terlalu terikat dengan konteks tempatan tanpa nilai yang menarik bagi khalayak antarabangsa. Salah satu contoh jelas intertekstualiti ialah tafsiran Sheikh Hamzah al-Fansuri, yang membawa pengaruh Sufi yang mendalam dalam karyanya. Sebagai contoh, Riddell melaporkan bahawa beliau menterjemahkan perkataan "أَعْمَى" dalam ayat ke-17 Surah al-Isra' sebagai "tidak mengenal Allah".¹² Tafsiran ini menggambarkan pengaruh kuat pemikiran Sufi dalam pemahaman Hamzah terhadap al-Quran, tetapi pendekatan ini telah mencetuskan kritikan oleh mufassir lain seperti Sheikh Nur ad-Din al-Raniri.¹³ Perdebatan ini menunjukkan cabaran untuk menyelaraskan tafsiran yang bercorak lokal dengan kehendak global, kerana bagi pengkaji luar, tafsiran ini mungkin kelihatan terlalu abstrak atau sukar difahami tanpa huraian kontekstual yang lebih mendalam.

Kajian intertekstualiti menawarkan penyelesaian untuk menghubungkan tafsir Nusantara dengan kefahaman global. Menurut Zulkifli dan Wan Nasyrudin, konsep intertekstualiti dalam tafsir Nusantara membantu menjawab tiga persoalan utama: apakah jenis pengaruh yang wujud dalam karya tersebut, bagaimana pengaruh itu dimasukkan ke dalam

⁹ Azhar, Ahmad Mursyid. "Pendekatan Takhrīj Dan Tahqīq dalam Pengajian Kitab Turāth: Kepentingan serta Kaedah Rujukan: The Approach of Takhrīj and Tahqīq in The Study of the Book of Turāth: Importance and Reference Methods." *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge* 4, no. 1 (2023): 77-89.

¹⁰ Zulkifli, M. Y., and W. A. Wan Nasyrudin. "Intertekstualiti dan kitab tafsir Melayu." *Jurnal Pengajian Melayu* 19 (2008): 208-225.

¹¹ *Ibid.*

¹² Riddell, Peter G. "Variations on an exegetical theme: Tafsīr foundations in the malay world." *Studia Islamika* 21, no. 2 (2014): 259-292.

¹³ *Ibid.*

teks, dan mengapa pengarang memilih untuk memasukkan pengaruh tersebut.¹⁴ Sebagai contoh, dalam kitab *Tarjuman al-Mustafid* karya Sheikh Abdul Rauf al-Sinkili, terdapat pengaruh yang jelas daripada *Tafsir al-Baydhawi* dan *Tafsir al-Jalalayn*.¹⁵ Pengaruh ini bukan sahaja membuktikan bahawa tafsir Nusantara tidak terasing daripada tradisi tafsir utama dunia Islam tetapi juga mencerminkan usaha pengarang untuk merapatkan jurang antara wacana tafsir lokal dan global. Walau bagaimanapun, ketiadaan kajian intertekstualiti yang tuntas sering menyebabkan kekeliruan, terutama bagi pembaca atau pelajar luar yang kurang memahami hubungan ini. Cabaran ini diperburuk oleh kritikan daripada orientalis Barat seperti Snouck Hurgronje, yang menyifatkan *Tarjuman al-Mustafid* sebagai "terjemahan murahan".¹⁶ Kritikan seperti ini, jika tidak disanggah, boleh menjejaskan reputasi tafsir Nusantara di arena global. Dalam konteks ini, usaha sarjana seperti Azyumardi Azra, yang menyanggah kritikan tersebut dengan menegaskan bahawa *Tarjuman al-Mustafid* adalah hasil kerja yang kompleks dan berdasarkan pelbagai sumber tafsir Arab, sangat penting.¹⁷ Pendekatan Azra menunjukkan bagaimana tafsir Nusantara boleh dipertahankan dan diangkat sebagai karya yang signifikan, dengan memberikan penekanan kepada pengaruh intertekstual yang membentuknya.

Selain itu, aspek lain yang memerlukan perhatian ialah cara tradisi lisan dalam tafsir Nusantara didokumentasikan. Banyak karya tafsir di Nusantara, seperti kuliah tafsir Maulana Abdullah Awang Nuh yang ditranskripsikan menjadi kitab *Khulasah al-Quran* oleh anak muridnya, Ustaz Wan Islam bin Wan Nawang, memerlukan kajian intertekstualiti untuk memahami pendekatan dan konteks tafsir tersebut.¹⁸ Menurut Yusoff, Maulana Abdullah banyak menekankan isu sosial, sejarah, dan politik dalam kuliahnya, yang tidak selalu didokumentasikan secara eksplisit dalam teks.¹⁹ Kajian intertekstualiti dapat mendedahkan bagaimana pendekatan lokal beliau berkait dengan wacana yang lebih luas, menjadikannya lebih relevan kepada pembaca luar.²⁰ Langkah untuk mengatasi cabaran ini perlu melibatkan lebih banyak usaha kolaboratif antara sarjana tempatan dan antarabangsa, selain memperluaskan skop kajian intertekstualiti terhadap karya-karya tafsir Nusantara. Usaha awal seperti yang dilakukan oleh Zulkifli, Wan Nasyrudin, dan Azra harus diperluas untuk menghasilkan kajian yang lebih mendalam dan holistik. Selain itu, pengajaran tafsir Nusantara perlu dirancang untuk menonjolkan elemen intertekstualiti yang menunjukkan bagaimana karya ini menghubungkan pendekatan lokal dengan kefahaman global. Dengan cara ini, tafsir Nusantara dapat diangkat sebagai warisan intelektual yang tidak hanya berharga bagi masyarakat lokal, tetapi juga relevan dan menarik perhatian pengkaji luar.

Akses Terhadap Terhadap Sumber Asal

Akses yang terhad terhadap sumber-sumber tafsir ini merupakan antara cabaran utama dalam kajian terhadap penulisan tafsir Nusantara. Dua isu utama yang melibatkan aktiviti tafsir Nusantara lama disenaraikan oleh Nadzrah dalam penulisan beliau iaitu manuskrip asal yang telah binasa atau mudah binasa kerana ditelan zaman dan pengajian secara oral atau *talaqqi* yang tidak melibatkan penulisan menyebabkan akses terhadap kandungan pengajian tersebut

¹⁴ Zulkifli, M. Y., and W. A. Wan Nasyrudin. "Intertekstualiti dan kitab tafsir Melayu." *Jurnal Pengajian Melayu* 19 (2008): 208-225.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Azra, A. 2004. *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern "Ulama" in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Edisi ke-1. Routledge.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Yusoff, Ismail. "Perkembangan penulisan dan terjemahan kitab-kitab tafsir di Malaysia." *Jurnal Islamiyyat* 16 (1995): 19-32

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*

tidak diperoleh dengan baik.²¹ Riddell juga menekankan perkara ini dengan kenyataan beliau bahawa punca kekurangan manuskrip awal Islam di Nusantara ialah kerana faktor kemusnahan manuskrip itu sendiri kerana tingginya kelembapan udara di Nusantara dan beliau juga menjadikan perkara tersebut sebagai isu utama yangengehadkan kajian beliau tentang manuskrip-manuskrip lama Nusantara.²² Manuskrip-manuskrip penulisan lama Nusantara juga banyak tersimpan di simpanan arkib-arkib atau institusi tertentu di luar negara dan tidak mudah diakses oleh pengkaji-pengkaji Nusantara. Menurut Sariyan dan Jamian, Universiti Leiden di Belanda menyimpan sekitar 20000 buah manuskrip lama dan banyak lagi yang tersimpan di negara *United Kingdom* Rusia, Perancis, Amerika Syarikat dan negara-negara lain.²³ Bahkan, manuskrip al-Quran tertua yang ditulis di Tanah Jawa berada di Rotterdam, Belanda.²⁴ Pemilikan manuskrip Nusantara oleh negara-negara ini boleh dinisbahkan kepada penjajahan wilayah-wilayah Nusantara pada satu masa dahulu. Ini boleh dibuktikan lagi dengan melihat perkembangan penulisan tafsir pada abad ke-19 di mana era ini merupakan satu vakum bagi penulisan tafsir kerana faktor penjajahan dan isu sosial lain.²⁵ Akses terhadap ini juga dapat dinisbahkan kepada kekurangan usaha pendokumentasian dan *tahqiq* manuskrip-manuskrip oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara. Fathimah menukulkan pandangan Ibrahim Kassim bahawa dokumentasi manuskrip melibatkan lima perkara iaitu pengumpulan, pengkatalogan, pengkategorian, pemeliharaan dan kajian terhadap manuskrip tersebut.²⁶ Kekhuatiran berkenaan kekurangan usaha dokumentasi manuskrip ini ini disuarakan oleh Aziz Deraman di dalam kertas kerja beliau beberapa dekad lalu berjudul *Masalah Manuskrip Malaysia dan Masa Depan* di mana beliau mengatakan bahawa Malaysia masih lagi kekurangan tempat yang khas, peralatan dan tenaga pakar dalam dokumentasi yang menyebabkan usaha ini masih lagi terbantut.²⁷

Langkah penyelesaian bagi cabaran ini dapat dilihat daripada beberapa usaha yang telah pun dimulakan oleh sebahagian institusi dalam negara. Penubuhan Pusat Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1985 merupakan salah satu langkah awal usaha mendapatkan akses dan memelihara manuskrip-manuskrip Melayu. Menurut Jamalluddin dan Abdul Karim, Pusat Manuskrip Melayu ini memberikan ruang baru bagi mengkaji untuk membuat semakan terhadap kitab-kitab atau manuskrip klasik sehingga abad ke-17 seperti karya-karya Sheikh Nuruddin al-Raniri dan lain-lain.²⁸ Institusi-institusi memainkan peranan penting dalam pemeliharaan dan kajian terhadap manuskrip tafsir Nusantara yang merupakan khazanah pengajian dan penulisan tafsir negara. Usaha *tahqiq* manuskrip-manuskrip lama ini juga harus dipertambah dan dipergiat. Menurut Jamalluddin & Abdul Karim, *tahqiq* merujuk kepada proses mengeluarkan sesuatu manuskrip kitab dalam bentuk yang lebih sempurna dengan memastikan penerbitan baru tersebut dalam bentuk yang tidak mengubah versi

²¹ Ahmad, Nadzrah. "Quranic Exegetical Activities In The Malay Archipelago: A Historical Overview." *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 27, no. 1 (2022): 101-121.

²² Riddell, Peter G. "Variations on an exegetical theme: Tafsir foundations in the malay world." *Studia Islamika* 21, no. 2 (2014): 259-292.

²³ Sariyan, Awang, and Abdul Rasid Jamian. "Sumbangan Manuskrip Melayu Lama kepada Peradaban Bangsa: Old Malay Manuscript Contribution to Race Civilization." *PENDETA* 11, no. 2 (2020): 7-17.

²⁴ Asif, Muhammad, and Nopi Nafisantunnisa. "Naskah Al-Qur'an Al-Karim Karya Kiai Abil Fadhal As-Senory." *SUHUF* 14, no. 1 (2021): 27-48.

²⁵ Ahmad, Nadzrah. "Quranic Exegetical Activities In The Malay Archipelago: A Historical Overview." *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 27, no. 1 (2022): 101-121.

²⁶ Siti Fathimah, Abdul Halim. "Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan peranan dalam pengurusan manuskrip Melayu/Siti Fathimah Abdul Halim." PhD diss., University of Malaya, 2014.

²⁷ Deraman, Aziz. *Masalah Manuskrip di Malaysia dan Masa Depan*. Kuala Lumpur, 1983.

²⁸ Ali, Abdul Karim, and Jamaluddin Hashim. "Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Oleh Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan." *Jurnal Fiqh* 5 (2008): 197-215.

pengarang asal.²⁹ *Tahqiq* merupakan proses mengeluarkan sesuatu manuskrip atau kitab lama dalam bentuk yang lebih sempurna dan tidak mengubah pembawaan pengarang asal. Usaha *tahqiq* ini merupakan langkah yang penting dalam memastikan tafsir-tafsir lama tidak tenggelam kerana peredaran zaman. Pendekatan ini dapat dilihat daripada usaha penerbitan semula tafsir-tafsir silam seperti Tafsir Al-Furqan oleh Ahmad Hasan yang telah dicetak kali pertama oleh Pustaka Aman Press di Kelantan pada tahun 1971 dan mengalami cetakan sebanyak tujuh kali selepas penerbitan pertama.³⁰ Walaubagaimanapun, definisi *tahqiq* dalam konteks pemuliharaan tafsir tidak wajar disempitkan dengan penyalinan semula manuskrip lama semata-mata. Menurut Ahmad, *tahqiq* juga tidak terikat dengan sekadar *tahqiq al-makthutat*. Usaha *tahqiq* juga boleh melibatkan usaha transkripsi kuliah tafsir yang dilakukan secara *talaqqi* atau penyampaian daripada mulut.³¹ Seperti yang pernah disebutkan pada perbincangan lepas, usaha pemeliharaan tafsir dengan kaedah ini dapat dilihat daripada pendekatan Ustaz Wan Ismail bin Wan Nawang yang mencatat dan membukukan kuliah tafsir gurunya, Maulana Abdullah Awang Nuh.³²

Kekurangan Usaha Takhrij pada Kitab-kitab Tafsir

Usaha *takhrij* sesebuah kitab merupakan usaha yang penting dalam memastikan kitab-kitab tafsir Nusantara kekal relevan dalam menongkahkan arus perubahan zaman. *Takhrij* merupakan satu aspek yang penting dalam pengajian tafsir kerana ia melibatkan kajian yang mendalam terhadap aspek-aspek dan sumber-sumber pentafsiran dalam kitab-kitab tafsir seperti hadith *marfu'*, *mauquf* dan lain-lain. Secara terminologi, *takhrij* ialah meletakkan atau menempatkan sesuatu hadith berdasarkan sumber asli hadith tersebut dengan sanad yang lengkap dan menjelaskan darjat atau status hadith tersebut.³³ Ahmad menyebutkan bahawa walaupun kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kitab-kitab *turath* pada hari ini sangat baik, tetapi perkara itu tidak memadai dalam membenarkan semua maklumat dalam kitab-kitab tersebut.³⁴ Kajian *takhrij* memainkan peranan penting dalam memastikan maklumat di dalam sesebuah kitab tafsir itu tepat dan mempunyai asas sandaran yang kuat. Farah Ain dan Mazlan menyenaraikan beberapa isu dalam sebahagian kitab tafsir Nusantara dan isu-isu ini menjadikan usaha *tahqiq* dan *takhrij* ke atas kitab-kitab ini satu usaha yang penting.³⁵ Antaranya ialah periwiyatan sesuatu hadith tidak dijelaskan sumbernya atau jenisnya secara terang oleh pengarang.³⁶ Mereka memberikan contoh daripada kitab Tafsir Harian al-Quran al-Karim oleh Haji Abdullah Abbas Nasution yang bukan sahaja tidak menjelaskan sumber hadith

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Ahmad, Nadzrah. "Quranic Exegetical Activities In The Malay Archipelago: A Historical Overview." *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 27, no. 1 (2022): 101-121.

³¹ Azhar, Ahmad Mursyid. "Pendekatan Takhrij Dan Tahqiq dalam Pengajian Kitab Turath: Kepentingan serta Kaedah Rujukan: The Approach of Takhrij and Tahqiq in The Study of the Book of Turath: Importance and Reference Methods." *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge* 4, no. 1 (2023): 77-89.

³² Yusoff, Ismail. "Perkembangan penulisan dan terjemahan kitab-kitab tafsir di Malaysia." *Jurnal Islamiyyat* 16 (1995): 19-32

³³ Qomarullah, Muhammad. "Metode Takhrij Hadits Dalam Menakar Hadits Nabi." *El-Ghiroh: Jurnal Studi Keislaman* 11, no. 2 (2016): 23-34.

³⁴ Azhar, Ahmad Mursyid. "Pendekatan Takhrij Dan Tahqiq dalam Pengajian Kitab Turath: Kepentingan serta Kaedah Rujukan: The Approach of Takhrij and Tahqiq in The Study of the Book of Turath: Importance and Reference Methods." *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge* 4, no. 1 (2023): 77-89.

³⁵ Isamudin, Nor Farah Ain Nor, and Mazlan Ibrahim. "Perumian, Pentahkikan dan Takhrij Kitab Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim [The Method of Reforming, Verifying and Takhrij Kitab Tafsir al-Qur'an al-Karim]." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)* 6, no. 2 (2023): 1-15.

³⁶ *Ibid.*

bagi pentafsiran secara jelas, tetapi tidak menjelaskan nama surah dan nombor ayat yang berkaitan dengan sesuatu pentafsiran yang dilakukan.³⁷

Langkah penting dalam menyelesaikan permasalahan ini ialah mempergiat usaha *takhrij* hadith itu sendiri. Usaha ini telah pun dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tafsir Nusantara yang kebanyakannya melibatkan pensyarah-pensyarah universiti dan pelajar-pelajar yang mengkaji tafsir Nusantara secara khusus. Antaranya ialah kajian oleh Ikrima Nisdi yang dipantau oleh Dr. Sofian Effendi daripada Institut Ilmu Al-Quran (IIQ) di Jakarta di mana kajian tersebut membincangkan tentang status-status hadith di dalam Tafsir Al-Azhar yang dikarang oleh Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). Usaha beliau ini mengeluarkan 32 jalur hadith daripada sejumlah 13 hadith yang terdapat dalam tafsir Surah al-Qasas dan kajian menunjukkan kewujudan 9 hadith yang *maqbul* dan 4 hadith yang *dhaif*.³⁸ Begitupun, usaha ini mempunyai skop yang kecil kerana melibatkan hanya sebahagian kecil daripada kitab-kitab tafsir ini. Kajian *takhrij* kitab Nusantara yang wujud kini tidak begitu meluas dan hanya melibatkan usaha-usaha berskala kecil. Usaha *takhrij* hadith di dalam kitab-kitab tafsir Nusantara ini memerlukan penglibatan pihak berautoriti dan sumber kewangan yang besar kerana melibatkan tenaga pakar dan tenaga kerja yang banyak. Kekurangan kakitangan mahir dan pakar ini merupakan salah satu penghalang utama usaha *takhrij* di dalam negara dan ini merupakan satu kekhawatiran yang telah dibawa oleh Dr. Aziz Deraman melalui penulisan beliau sejak tahun 1983 lagi. Usaha *takhrij* tafsir Nusantara boleh juga dilakukan seiring dengan proses *mentahqiq* manuskrip-manuskrip bagi memudahkan dan menjimatkan proses tersebut. Peranan institusi seperti Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan pusat-pusat kajian di universiti tempatan perlu dimanfaatkan dan diberi insentif untuk usaha ini.

Kekangan Bahasa, Gaya Penulisan dan Usaha Vernakularisasi

Antara cabaran utama dalam kajian terhadap penulisan tafsir Nusantara ialah kekangan bahasa daripada sudut gaya penulisan, tatabahasa dan dialek. Kebanyakan manuskrip lama tafsir Nusantara menggunakan tulisan atau dialek yang berbeza dan menjadikan pembacaannya sukar bagi masyarakat moden. Antara aspek utama yang menjadi cabaran ialah gaya penulisan yang tidak sesuai dengan perkembangan zaman dan tidak menepati perkembangan tatabahasa moden. Sebagai contoh, kajian daripada Farah Ain dan Mazlan terhadap Tafsir Harian al-Quran al-Karim oleh Haji Abdullah Abbas Nasution menunjukkan bahawa hampir keseluruhan teks tafsir ini ditulis tanpa meletakkan tanda-tanda seperti noktah, koma ataupun apa-apa tanda baca.³⁹ Kekangan bahasa atau dialek yang digunakan dalam penulisan tafsir juga menjadi salah satu aspek utama yang mencabar dalam kajian terhadap penulisan tafsir. Jamalluddin dan Abdul Karim turut menyebutkan bahawa sebahagian kitab-kitab Nusantara mempunyai susunan ayat dalam bahasa atau dialek tertentu seperti dialek Aceh dan menyukarkan mereka yang tidak mahir dialek tersebut untuk memahami kandungan kitab tersebut.⁴⁰ Kebanyakan kitab-kitab Nusantara juga menggunakan bahasa Jawi klasik yang sukar difahami oleh masyarakat moden. Perkara ini dibangkitkan oleh Farah Ain dan Mazlan di dalam penulisan mereka bahawa masyarakat Islam kini kurang menguasai sistem jawi dengan baik dan tidak mempunyai keupayaan memahami kitab-kitab agama Islam yang menggunakan sistem Jawi

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Ikrima Nisdi, "Hadis dalam Tafsir Nusantara (Telah Kritis terhadap Hadis-hadis dalam Tafsir Al-Azhar Surat al-Qashash)," Skripsi S1 Ilmu Al-Quran dan Tafsir, (Institut Ilmu Al-Quran Jakarta, 2021).

³⁹ Isamudin, Nor Farah Ain Nor, and Mazlan Ibrahim. "Perumian, Pentahkikan dan Takhrij Kitab Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim [The Method of Reforming, Verifying and Takhrij Kitab Tafsir al-Qur'an al-Karim]." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)* 6, no. 2 (2023): 1-15.

⁴⁰ Ali, Abdul Karim, and Jamaluddin Hashim. "Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Oleh Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan." *Jurnal Fiqh* 5 (2008): 197-215.

klasik.⁴¹ Asif dan Nafisatunnisa menukulkan kajian yang dilakukan oleh Ervan Nurtawab pada tahun 2009 berjudul *The Tradition of Qur'anic Commentaries in Java and Sunda* bahawa terdapat tafsir Indonesia yang masih menggunakan huruf *Pegon*, iaitu sejenis tulisan Arab yang diubahsuai untuk menyesuaikan dengan bahasa Jawa.⁴²

Penyelesaian utama bagi cabaran ini ialah usaha vernakularisasi kitab-kitab tafsir Nusantara. Ini merupakan satu usaha penting bagi memastikan khazanah tafsir silam Nusantara dapat diakses oleh masyarakat moden. Menurut kamus Collins, *vernacularisation* atau vernakularisasi merujuk kepada penterjemahan sesuatu kepada bahasa harian atau bahasa yang mudah difahami. Menurut Saepudin, vernakularisasi bukan sahaja merujuk kepada peralihan bahasa atau penterjemahan semata-mata, tetapi proses penterjemahan itu melibatkan pengolahan bahasa mengikut tradisi dan budaya masyarakat tempatan.⁴³ Salah satu bentuk vernakularisasi tafsir Nusantara yang dapat disesuaikan dengan budaya tempatan ialah usaha perumian sesuatu tafsir dalam rangka menambahkan lagi lingkungan masyarakat yang mampu mengakses kitab tersebut. Usaha perumian merujuk kepada proses mengalihkan sesuatu tulisan daripada tulisan Jawi atau tulisan-tulisan lain kepada tulisan Rumi. Antara usaha perumian yang paling bermanfaat dalam penulisan tafsir Nusantara ialah perumian Jawi-Rumi kitab Tafsir Harian al-Quran al-Karim oleh Haji Abdullah Abbas Nasution. Usaha perumian ini dilakukan serentak dengan usaha *tahqiq* di mana usaha perumian ini dilakukan secara terus daripada manuskrip kitab tersebut.⁴⁴ Saepudin menulis berkenaan usaha vernakularisasi kitab-kitab tafsir kepada Bahasa Sunda di dalam penulisan beliau menunjukkan bahawa usaha vernakularisasi merupakan salah satu langkah paling relevan dalam usaha menangani cabaran kekangan bahasa dan gaya penulisan dalam tafsir Nusantara zaman moden ini.⁴⁵

Kekurangan Teknologi Pembelajaran Yang Relevan

Kekurangan media pembelajaran yang relevan dalam pengajian tafsir Nusantara ini dapat dikaitkan dengan kelemahan penggunaan teknologi yang terkini. Menurut Ramadhan dan Hamdan, pelajar menghadapi kesukaran dalam memahami kuliah tafsir dan hadith kerana kekurangan media pembelajaran seperti aplikasi mudah alih atau lebih dikenali sebagai *mobile learning*.⁴⁶ Penulisan tafsir di Nusantara menghadapi cabaran utama dalam aspek kemudahan teknologi, terutamanya dalam menyediakan platform digital yang komprehensif dan mesra pengguna. Banyak aplikasi tafsir yang tersedia di pasaran belum mampu memenuhi keperluan pengguna secara menyeluruh. Sebagai contoh, kebanyakan aplikasi tidak menawarkan ciri penting seperti tafsir audio, video terjemahan, atau akar kata al-Quran yang dapat membantu pengguna memahami tafsir dengan lebih mendalam dan berstruktur. Selain itu, pengumpulan

⁴¹ Isamudin, Nor Farah Ain Nor, and Mazlan Ibrahim. "Perumian, Pentahkikan dan Takhrij Kitab Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim [The Method of Reforming, Verifying and Takhrij Kitab Tafsir al-Qur'an al-Karim]." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)* 6, no. 2 (2023): 1-15.

⁴² Asif, Muhammad, and Nopi Nafisantunnisa. "Naskah Al-Qur'an Al-Karim Karya Kiai Abil Fadhal As-Senory." *SUHUF* 14, no. 1 (2021): 27-48.

⁴³ Dindin Moh. Saepudin, "Vernakularisasi Tafsir Al-Quran di Indonesia Abad Ke-20: Studi Kasus Tafsir Berbahasa Sunda," Disertasi Program Doktor, (Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2023).

⁴⁴ Isamudin, Nor Farah Ain Nor, and Mazlan Ibrahim. "Perumian, Pentahkikan dan Takhrij Kitab Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim [The Method of Reforming, Verifying and Takhrij Kitab Tafsir al-Qur'an al-Karim]." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)* 6, no. 2 (2023): 1-15.

⁴⁵ Saepudin, D.M. VERNAKULARISASI TAFSIR AL-QUR'AN DI INDONESIA ABAD KE-20: STUDI KASUS TAFSIR BERBAHASA SUNDA. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta (2023).

⁴⁶ Ramadhan, Mochammad Rizal, and Achmad Hamdan. "Development of Mobile Learning Platform as A Learning Supplement for Tafsir Hadith Course." *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam* 11, no. 02 (2022): 297-312

data tafsir yang autentik, seperti rakaman audio dengan kualiti tinggi dan teks tafsir yang disahkan, menjadi halangan besar kerana kebanyakan data tersebut tidak tersedia dalam format digital yang serasi dengan platform moden. Cabaran ini diperparah dengan kurangnya standardisasi dalam pengembangan aplikasi tafsir, yang menyebabkan perbezaan kualiti antara satu aplikasi dengan yang lain, sekaligus mengurangkan kredibiliti sumber tersebut.⁴⁷ Tambahan pula, akses kepada tafsir dalam pelbagai bahasa dan fungsi tambahan seperti visualisasi bahasa isyarat untuk golongan kurang upaya juga masih terbatas, menunjukkan kekurangan usaha untuk memenuhi keperluan pengguna dari pelbagai latar belakang.⁴⁸

Penyelesaian kepada cabaran ini memerlukan pendekatan yang holistik termasuklah integrasi teknologi terkini dalam penyampaian tafsir. Pembangunan aplikasi *Noor Al-Quran* seperti yang dilakukan dalam kajian oleh Elobaid et al memperkenalkan pelbagai ciri-ciri baru berbanding aplikasi yang telah sedia ada seperti tafsir audio, akar kata al-Quran dan penterjemahan dalam pelbagai bahasa menunjukkan potensi besar penggunaan aplikasi telefon mudah alih dalam memberi pendedahan tentang tafsir kepada orang awam.⁴⁹ Dengan memanfaatkan teknologi mudah alih, aplikasi seperti ini dapat disesuaikan untuk pengguna di Nusantara, memastikan ia relevan dengan keperluan tempatan sambil mengekalkan integriti tafsir. Selain itu, usaha untuk menyediakan data tafsir yang autentik dalam format digital perlu dipergiatkan, termasuk kerjasama dengan institusi yang memiliki sumber tafsir yang sahih. Langkah ini akan memastikan data tafsir dapat diakses dengan mudah dan digunakan secara meluas dalam platform digital.⁵⁰ Penyelesaian ini juga harus melibatkan pengadaptasian kandungan tafsir untuk menyesuaikan diri dengan budaya dan keperluan masyarakat tempatan, agar tafsir lebih mudah diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat di Nusantara.⁵¹

KESIMPULAN

Usaha *mufassir* Nusantara dalam penulisan tafsir Nusantara merupakan usaha yang penting sekaligus membuktikan bahawa Nusantara sendiri tidak terlepas dalam usaha memberikan kefahaman al-Quran kepada umat. Kajian terhadap kitab-kitab Nusantara ini merupakan salah satu usaha menghargai khazanah silam yang diturunkan oleh *mufassir* Nusantara. Cabaran dalam kajian ini merupakan salah satu proses mengeluarkan khazanah-khazanah ini. Cabaran ini datang dalam pelbagai bentuk termasuklah aspek lokalisasi sebuah tafsir serta kekurangan usaha mengkaji intertekstualiti yang wujud dalam kitab-kitab tafsir Nusantara, akses terhadap kepada kitab-kitab tafsir tersebut, usaha *takhrij* yang tidak menyeluruh dan kekangan bahasa atau pendekatan penulisan di dalam tafsir-tafsir ini serta kekurangan teknologi yang relevan. Penyelesaian utama ialah menggiatkan dan menggerakkan pengkaji untuk memperluas kajian intertekstualiti kitab-kitab tafsir di mana usaha ini akan menjadi jambatan dalam menjadikan tafsir Nusantara lebih global, penglibatan autoriti dan institusi bagi menambah akses kepada kitab-kitab tafsir Nusantara termasuklah manuskrip silam, penggiatan usaha *takhrij* sama ada

⁴⁷ Elobaid, Manal, Kauser Hameed, and Moawia Elfaki Yahia Eldow. "Toward designing and modeling of Quran learning applications for android devices." *Life Science Journal* 11, no. 1 (2014): 160-171

⁴⁸ Maigari, Abdullahi Muhammad, Uthman Abdullahi Abdul-Qadir, Muhammad Muslim Ibrahim, and Mustapha Bashir. "Ramadan tafsir of the glorious Qur'an goes virtual during Covid-19 lockdown in Nigeria." *ICJ: Islamic Communication Journal* 5, no. 2 (2020).

⁴⁹ Elobaid, Manal, Kauser Hameed, and Moawia Elfaki Yahia Eldow. "Toward designing and modeling of Quran learning applications for android devices." *Life Science Journal* 11, no. 1 (2014): 160-171

⁵⁰ Ramadhan, Mochammad Rizal, and Achmad Hamdan. "Development of Mobile Learning Platform as A Learning Supplement for Tafsir Hadith Course." *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam* 11, no. 02 (2022): 297-312

⁵¹ Maigari, Abdullahi Muhammad, Uthman Abdullahi Abdul-Qadir, Muhammad Muslim Ibrahim, and Mustapha Bashir. "Ramadan tafsir of the glorious Qur'an goes virtual during Covid-19 lockdown in Nigeria." *ICJ: Islamic Communication Journal* 5, no. 2 (2020).

melalui institusi tertentu atau insentif kepada pengkaji dan usaha vernakularisasi tafsir-tafsir ini bagi memberikan kefahaman yang tuntas kepada masyarakat moden tentang kandungan kitab-kitab tafsir Nusantara ini. Penggunaan teknologi yang sesuai dengan arus kemodenan juga dapat membantu pemerksaan tafsir Nusantara.

Secara umumnya, kajian ini boleh ditambahbaik dengan membincangkan secara lebih mendalam setiap isu dengan memberi penekanan yang lebih meluas terhadap perkara-perkara yang membentuk sub-isu. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar penyelidikan lanjutan dijalankan berkaitan cabaran dan penyelesaian terhadap isu-isu asas dalam tafsir Nusantara. Antaranya cabaran yang boleh diteroka secara lebih meluas ialah pendekatan lokal penulis dalam tafsir sehingga menjadi tidak atau kurang relevan kepada pelajar di luar Nusantara sekaligus mengakibatkan kurangnya perhatian pengkaji luar tentang tafsir Nusantara. Permasalahan-permasalahan tradisi dan pandangan mazhab fiqh yang terkandung dalam sesebuah tafsir sehingga dilihat terlalu cenderung kepada satu pihak atau terlalu mencapah kepada kepelbagaian pandangan juga wajar menjadi penelitian dalam kajian lanjutan.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad, Nadzrah. "Quranic Exegetical Activities In The Malay Archipelago: A Historical Overview." *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 27, no. 1 (2022): 101-121.
- Ali, Abdul Karim, and Jamaluddin Hashim. "Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Oleh Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan." *Jurnal Fiqh* 5 (2008): 197-215.
- Asif, Muhammad, and Nopi Nafisantunnisa. "Naskah Al-Qur'an Al-Karim Karya Kiai Abil Fadhal As-Senory." *SUHUF* 14, no. 1 (2021): 27-48.
- Azhar, Ahmad Mursyid. "Pendekatan Takhrīj Dan Tahqīq dalam Pengajian Kitab Turāth: Kepentingan serta Kaedah Rujukan: The Approach of Takhrīj and Tahqīq in The Study of the Book of Turāth: Importance and Reference Methods." *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge* 4, no. 1 (2023): 77-89.
- Azra, Azyumardi. *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern'Ulam?'in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. University of Hawaii Press, 2004.
- Deraman, Aziz. *Masalah Manuskrip di Malaysia dan Masa Depan*. Kuala Lumpur, 1983.
- Elobaid, Manal, Kauser Hameed, and Moawia Elfaki Yahia Eldow. "Toward designing and modeling of Quran learning applications for android devices." *Life Science Journal* 11, no. 1 (2014): 160-171.
- Dindin Moh. Saepudin, "Vernakularisasi Tafsir Al-Quran di Indonesia Abad Ke-20: Studi Kasus Tafsir Berbahasa Sunda," Disertasi Program Doktor, (Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2023).
- Hussin, Haziyah & Latifah Abdul Majid. "Early development of Quranic exegesis in Malaysia." *International Journal of Asian Social Science* 3, no. 8 (2013): 1732-1744.
- Haziyah Hussin, Latifah Abdul Majid, Nor Syamimi Mohd, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Sabri Mohamad. "Pemikiran tafsir Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam Manuskrip Quran Bergantung Makna Melayu." *Jurnal al-Turath* 1, no. 1 (2016): 24-34.
- Ikrima Nisdi, "Hadis dalam Tafsir Nusantara (Telah Kritis terhadap Hadis-hadis dalam Tafsir Al-Azhar Surat al-Qashash," Skripsi S1 Ilmu Al-Quran dan Tafsir, (Institut Ilmu Al-Quran Jakarta, 2021).
- Isamudin, Nor Farah Ain Nor, and Mazlan Ibrahim. "Perumian, Pentahkikan dan Takhrij Kitab Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim [The Method of Reforming, Verifying and Takhrij

- Kitab Tafsir al-Qur'an al-Karim]." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 2 (2023): 1-15.
- Maigari, Abdullahi Muhammad, Uthman Abdullahi Abdul-Qadir, Muhammad Muslim Ibrahim, and Mustapha Bashir. "Ramadan tafsir of the glorious Qur'an goes virtual during Covid-19 lockdown in Nigeria." *ICJ: Islamic Communication Journal* 5, no. 2 (2020).
- Nasir, Mohamad Nasrin. "The view of the other in modern Malay exegesis of the Quran." *Australian Journal of Islamic Studies* 6, no. 4 (2021): 68-87.
- Nasrullah, Nasrullah, Amaruddin Amaruddin, and Humaidi Humaidi. "Enrichment of Methods and Approaches in the Interpretation of the Qur'an." *SYAHADAH: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Keislaman* 11, no. 1 (2023): 31-46.
- Pratama, Ferdy. "Perkembangan Kajian Hadis Di Indonesia Pada Abad 20-21 M D. Indah Syifana Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya e-mail: dindahsyifana@gmail.com."
- Qomarullah, Muhammad. "Metode Takhrij Hadits Dalam Menakar Hadits Nabi." *El-Ghiroh: Jurnal Studi Keislaman* 11, no. 2 (2016): 23-34.
- Ramadhan, Mochammad Rizal, and Achmad Hamdan. "Development of Mobile Learning Platform as A Learning Supplement for Tafsir Hadith Course." *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam* 11, no. 02 (2022): 297-312
- Riddell, Peter G. "Variations on an exegetical theme: Tafsīr foundations in the Malay world." *Studia Islamika* 21, no. 2 (2014): 259-292.
- Sariyan, Awang, and Abdul Rasid Jamian. "Sumbangan Manuskrip Melayu Lama kepada Peradaban Bangsa: Old Malay Manuscript Contribution to Race Civilization." *PENDETA* 11, no. 2 (2020): 7-17.
- Siti Fathimah, Abdul Halim. "Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan peranan dalam pengurusan manuskrip Melayu." PhD diss., University of Malaya, 2014.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah. Tafsir Tarjuman al-Mustafid: kajian intertekstualiti. Tesis Dr. Fal, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
- Yusoff, Ismail. "Perkembangan penulisan dan terjemahan kitab-kitab tafsir di Malaysia." *Jurnal Islamiyyat* 16 (1995): 19-32
- Zulkifli, M. Y., and W. A. Wan Nasyrudin. "Intertekstualiti dan kitab tafsir Melayu." *Jurnal Pengajian Melayu* 19 (2008): 208-225.